

Dr Mohd Asri: Ulama perlu tegur pemimpin dalam permasalahan awam
Malaysian Insider
23 Oktober, 2012
Oleh Amin Iskandar

SHAH ALAM, 23 Okt — Pemimpin masyarakat perlu ditegur secara terbuka jika melakukan kesalahan yang melibatkan permasalahan awam dan bukannya hal-hal peribadi kata Prof Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin.

Bekas Mufti Perlis itu berkata walaubagaimanapun, perkara seperti itu perlu dibahas secara terbuka dengan beradab dan bukan dengan caci maki.

“Soal masalah awam boleh dicakap dengan terbuka. Tetapi kita tak patut memaki, jadi orang profesional.

“Kritik kesalahan dan pengurusan itu tapi pilih perkataan yang elok seperti manusia yang bertamadun. Sebut perkataan yang tegas dan berkemasud,” katanya Wacana Sinar Harian ke- 15 bertajuk “Peranan Ulama, Menasihati Pemimpin” di Kompleks Kumpulan Media Karangkrak, hari ini.

Dr Mohd Asri mempersoalkan pihak yang melarang ulama untuk membuat teguran secara terbuka kepada pemimpin negara.

“Golongan yang kata ulama tak boleh tegur terang-terangan, tegur ulama terang-terangan. Itu boleh?

“Dosa manusia ada dua. Satu antara dia dengan Tuhan. Dosa dalam kategori ini tidak patut dibahas dalam khalayak awam,” katanya lagi.

Dr Mohd Asri mengakui bahawa Umno pada hari ini berada dalam keadaan yang begitu selesa sehingga menyebabkan sesetengah pemimpin mereka menjadi sombong dan bongkak.

“Saya kenal ramai dan rapat dengan pemimpin Umno.

“Ada yang sangat sombong dan apabila ada teguran-teguran, tunggulah akibatnya,” katanya lagi.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-mohd-asri-ulama-perlu-tegur-pemimpin-dalam-permasalahan-awam/>